

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 22 Disember 2020 1:33 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pengerusi LPU UUM Dilantik Semula Sebagai Pengerusi MPLPU



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia


22 DISEMBER 2020 / 7 JAMADILAWAL 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PENGERUSI LPU UUM DILANTIK SEMULA SEBAGAI PENGERUSI MPLPU



UUM ONLINE: Sekali lagi, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UUM telah dilantik sebagai Pengerusi, Majlis Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (MPLPU) Universiti Awam Malaysia bagi tahun 2021-2022. Pemilihan ini dibuat semasa Mesyuarat MPLPU ke-8 yang bersidang pada Isnin lalu.

Lantikan semula Pengerusi Lembaga Pengarah UUM sebagai Pengerusi MPLPU ini adalah bagi penggal ketiga berturut-turut sejak lantikan pertama pada awal tahun 2018.

MPLPU mula ditubuhkan pada tahun 2014 dan Pengerusi MPLPU yang pertama ialah Pengerusi UMS bagi tahun 2014/2015, manakala Pengerusi UiTM merupakan Pengerusi yang kedua bagi tahun 2016/2017.

Mesyuarat MPLPU kali ke-8 yang telah diadakan secara telesidang menerusi Webex dipengerusikan oleh Tan Sri Dr. Mohd Shukor Mahfar di Bilik Mesyuarat Senat, semalam.

Tan Sri Dr. Mohd Shukor merakamkan penghargaan di atas pelantikan tersebut dan mengucapkan terima kasih kepada semua Pengerusi LPU Universiti Awam lain yang hadir di mesyuarat yang julung kali dipengerusikan beliau dan memberi sokongan atas pelantikan tersebut.

Antara pengisian mesyuarat itu adalah membincangkan tentang tadbir urus universiti dan perancangan universiti pada masa hadapan ketika negara masih berdepan dengan pandemik Covid-19.

MPLPU merupakan platform untuk semua Pengerusi LPU Universiti Awam (UA) berkongsi maklumat dan menyelaraskan sesuatu keputusan yang boleh memberi kepentingan kepada universiti dan selaras Terma Rujukan MPLPU.

Turut serta dalam mesyuarat itu di Bilik Mesyuarat Senat ialah wakil Pengerusi LPU UniMAP, Ridzuan Ishak.

Seramai 14 Pengerusi dan tiga wakil Pengerusi LPU Universiti Awam telah menyertai mesyuarat MPLPU kali ini, antaranya Pengerusi LPU UKM, Tan Sri Abdul Wahid Omar; Pengerusi LPU UIAM, Datuk Dr. Daud Bakar; Pengerusi LPU UPNM, Tan Sri Dr. Syed Azman Syed Ibrahim; Pengerusi LPU UTM, Tan Sri Abd Halim Ali; Pengerusi LPU UiTM, Dato' Sri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir dan Pengerusi LPU UMK, Dato' Hussamudin Yaacob serta Pendaftar UUM, Baharudin Yaacob selaku Setiausaha MPLPU.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.